

31 OCT 1996

LEAD Mahathir-Persyarikatan

PERSYARIKATAN MALAYSIA LENGKAP DENGAN PENYERTAAN CUEPACS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini Dasar Persyarikatan Malaysia yang dilancarkan pada 1983 kini menjadi lengkap berikutan persetujuan Cuepacs untuk bersama-sama kerajaan dan swasta menjadi rakan dalam menjayakannya.

Perdana Menteri berkata penyertaan dan peranan Cuepacs akan dapat menjayakan usaha kerajaan dalam memajukan negara dan mampu bersaing dengan sesiapa sahaja termasuk negara-negara maju.

Beliau berkata pemimpin-pemimpin Cuepacs telah memberi jaminan untuk membantu menjayakan Persyarikatan Malaysia dalam pertemuan mereka dengan beliau Selasa lepas.

"Dengan pembabitan Cuepacs dalam Persyarikatan Malaysia maka barulah lengkap (Persyarikatan Malaysia)," kata beliau pada majlis perhimpunan dengan lebih 3,000 kakitangan Tenaga Nasional Berhad di Kompleks Sukan ibu pejabat Tenaga Nasional di sini.

"Mereka (Cuepacs) sudah terima bahawa walaupun mereka ada perbezaan pendapat dengan kerajaan, mereka ingin menyertai Persyarikatan Malaysia," kata beliau.

Yang hadir ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan pengerusi eksekutif Tenaga Nasional Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Dr Mahathir berkata beliau telah membangkitkan mengenai pakatan Kerajaan-Swasta-Kesatuan Sekerja dalam menjayakan Persyarikatan Malaysia pada Dialog Antarabangsa Langkawi Julai lepas.

Dalam dialog itu, beliau berkata kerajaan mahu kesatuan sekerja memainkan peranan dalam menjayakan dasar itu.

Kata beliau, dasar itu bertujuan meningkatkan kerjasama di kalangan kerajaan dan swasta serta pemimpin politik yang berusaha untuk menjadikan Malaysia maju dalam pelbagai bidang menerusi satu konsep syarikat.

Dr Mahathir berkata dalam pertemuannya dengan pemimpin Cuepacs, beliau juga telah memberi persetujuan untuk membawa wakil kesatuan dalam rombongan perdagangan ke luar negara.

Ini supaya mereka boleh menjelaskan dan menyokong tindakan kerajaan dalam menarik pelabur ke Malaysia, katanya.

"Mereka bersetuju menjadi jurujual bagi negara untuk menarik pelabur. Cuepacs juga berjanji tidak akan membangkitkan perkara yang boleh membuat pelabur enggan datang ke Malaysia," kata beliau.

Mengenai Dasar Penswastaan, Dr Mahathir berkata rekod Malaysia dalam melaksanakan dasar itu dianggap sebagai antara terbaik di dunia kerana syarat-syarat yang menguntungkan majikan dan pekerja.

Antara syarat itu ialah majikan dilarang memberhentikan pekerja melainkan atas kehendak pekerja itu sendiri dan gaji pekerja tidak boleh kurang daripada apa yang mereka terima sebelum sesuatu badan itu diswastakan.

"Kita tidak membuang pekerja tetapi sebaliknya mengekalkan mereka dan pekerja juga diberi gaji yang memuaskan serta memiliki saham syarikat serta bonus. Malah, Perdana Menteri Britain John Major kagum dengan dasar penswastaan kita," katanya.

Perdana Menteri juga menggesa Tenaga Nasional supaya menyediakan bekalan elektrik yang berkualiti supaya tidak berlaku sebarang kepincangan termasuk gangguan atau bekalan elektrik terputus seperti yang berlaku pada 3 Ogos lepas.

"Kita menganggap Tenaga Nasional sebagai badan yang penting

sekali...Kita hendak tenaga yang berkualiti dan tidak boleh malap," kata beliau.

Dr Mahathir berkata penggunaan elektrik di negara ini boleh ditingkatkan terutama apabila adanya bekalan tenaga yang berlebihan.

Beliau membuat perbandingan penggunaan elektrik di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat yang hampir 20 kali lebih banyak daripada Malaysia sementara Singapura satu setengah kali lebih daripada negara ini.

Perdana Menteri juga menasihatkan kakitangan Tenaga Nasional supaya membangunkan semangat rajin bekerja bagi menjadikan Tenaga Nasional sebuah syarikat yang terbaik.

Sebelum itu, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai operasi Tenaga Nasional oleh Dr Ahmad Tajuddin.

Dr Mahathir kemudian merasmikan bangunan pejabat baru Tenaga Nasional yang dikenali Bangunan Penjanaan berharga RM26 juta yang terletak dalam pekarangan Tenaga Nasional. -- BERNAMA

ES ARA AKD